

SIARAN MEDIA

Untuk siaran segera

Wanita dan Remaja Alami Tekanan Lebih Tinggi Semasa PKP

KUALA LUMPUR, 11 Jun, 2020 – Tinjauan baru-baru ini yang dilakukan oleh Think City, sebuah organisasi bermatlamat sosial untuk membina bandar, mendapati bahawa wanita dan mereka yang berumur 18-24 tahun mengalami tahap tekanan yang lebih tinggi berbanding demografi lain semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) baru-baru ini, yang dikuatkuasakan oleh kerajaan Malaysia ekoran krisis Covid-19. Tinjauan ini, dengan lebih daripada 2,000 respons berdasarkan Teori Hierarki Keperluan Maslow untuk menentukan bagaimana rakyat Malaysia menghadapi krisis semasa penutupan. Tujuan tinjauan adalah untuk memperoleh data yang akan membantu organisasi meneliti bagaimana pandemik itu mempengaruhi rakyat Malaysia, untuk memahami perubahan sosial jangka panjang dan untuk membimbing sebarang kemungkinan jalan penyelesaian bagi mengurangkan masalah komuniti, terutama jika penutupan lebih lanjut dikenakan.

Menurut Dr Matt Benson, Pengarah Program Think City yang merangka tinjauan tersebut, kajian awal akan menunjukkan data yang juga boleh dilihat semula bagi membandingkan bagaimana pandangan dan keadaan akan berubah dalam jangka sama enam bulan.

"Covid-19 merupakan peristiwa pertama, dengan Perintah Kawalan Pergerakan menjadi cabaran baru bagi semua rakyat Malaysia. Tinjauan ini dilakukan untuk mengumpul data awal tentang bagaimana nasib rakyat Malaysia selama PKP. Ini juga merupakan peluang untuk mendokumentasikan sejarah penting, mencatat bagaimana rakyat Malaysia berasa dan menangani wabak itu," kata Benson.

"Kami merangka tinjauan berdasarkan apa yang dikenali sebagai Hierarki Keperluan Maslow, yang berkisar dari keperluan asas seperti makanan dan tempat tinggal, hingga keperluan psikologi seperti hubungan dan keperluan penghargaan diri. Di puncak hierarki adalah keperluan pencapaian diri dan keperluan rohani, yang turut dikaji.

"Penting untuk kita memahami bagaimana rakyat Malaysia mengatasi situasi ini, adakah mereka memerlukan bantuan, dan jika demikian, apakah jenis bantuan yang patut dihulurkan. Hasil tinjauan akan berguna bagi kami dalam mereka penyelesaian yang berpotensi membantu mengurangkan tekanan atau menyampaikan bantuan kepada rakyat Malaysia yang memerlukan," tambahnya.

"Kami mempunyai 2,240 respons kepada tinjauan tersebut. Ia dilakukan secara dalam talian tetapi kami mempunyai lapisan umur, jantina dan etnik yang menyeluruh, jadi kami yakin

bahawa hasilnya dapat mewakili kawasan di "tengah Malaysia" walaupun tidak secara keseluruhan," kata Benson.

"Penemuan utama adalah secara umumnya rakyat Malaysia menghadapi krisis ini dengan baik semasa penutupan. Walaupun ada yang bergelut dengan permasalahan asas seperti pembayaran bil, majoriti merasa lebih terhubung antara satu sama lain, memperbaiki hubungan dengan keluarga mereka dan meluangkan masa untuk keperluan rohani," tegasnya.

Antara penemuan utama daripada tinjauan adalah:

- Rakyat Malaysia secara umumnya menghadapi situasi ini dengan baik. Ramai didapati telah melakukan peningkatan diri di rumah semasa tempoh tersebut.
- Terdapat perbezaan dalam pengalaman berdasarkan latar belakang demografi tertentu seperti jantina dan pekerjaan.
- Faktor-faktor yang mempengaruhi pengalaman responden mengenai PKP saling berhubung kait secara positif maupun negatif. Ini ditunjukkan melalui corak generasi dan tekanan. Mereka yang merasa tertekan di tempat kerja, biasanya tertekan dalam aspek kehidupan yang lain, seperti mempunyai tahap kualiti tidur yang rendah, kesukaran mendapat makanan dan rasa hubungan kekeluargaan yang lebih tegang
- Kaitan faktor juga dapat dilihat pada kumpulan umur. Walaupun generasi muda dilaporkan lebih cenderung untuk mempunyai emosi negatif semasa PKP, generasi yang lebih tua didapati mempunyai emosi yang lebih positif semasa PKP.

Penemuan lain menunjukkan bahawa rakyat Malaysia tetap gembira semasa PKP dengan meluangkan masa bersama keluarga / rakan (57%), melakukan hobi kegemaran (53%), dan berhibur secara dalam talian (43%). Hampir suku daripada jumlah keseluruhan (23%) merasa kurang bermotivasi, sementara sebilangan kecil (14%) mempunyai tahap motivasi yang tinggi. Pencapaian yang sering disebut semasa PKP adalah kemahiran baru (44%), hubungan yang lebih baik (38%) dan peningkatan peribadi (35%).

Namun, demografi yang berbeza mempengaruhi dengan cara yang berbeza. Peratusan wanita yang lebih tinggi (40%) rasa tertekan dengan hubungan keluarga mereka berbanding lelaki (35%). Wanita juga lebih cenderung (38%) daripada lelaki (26%) untuk berasa bahawa tugas menjaga anak tidak sama rata, dengan nisbah yang serupa untuk kerja-kerja di dalam rumah. Menariknya, wanita merasakan jalinan hubungan mereka bertambah baik dengan masyarakat lain (32%) berbanding lelaki (26%).

Walaubagaimanapun, PKP mempengaruhi kelompok umur lebih muda dengan cara yang berbeza bagi penduduk umum; hampir separuh daripada semua kanak-kanak berumur 18 hingga 24 tahun rasa tertekan semasa PKP, jauh lebih tinggi daripada kebanyakan kelompok umur yang lain. Selain itu, satu daripada empat rakyat Malaysia di bawah umur 24 tahun menunjukkan bahawa PKP mempunyai kesan buruk terhadap hubungan persahabatan mereka, yang jumlahnya sedikit tinggi daripada demografi yang lebih tua.

Mereka yang bekerja dalam bidang pendidikan dan seni serta mereka yang tinggal di Flat PPR dan perumahan kos rendah merasa lebih sukar untuk membayar sewa / gadaian daripada yang lain.

Terdapat banyak iktibar yang boleh dipelajari semasa PKP di mana rakyat Malaysia mengambil masa untuk merenung diri dan sesama manusia. Ianya terdiri daripada hubungan agama, kesediaan menghadapi kejadian tidak dijangka, rasa syukur dengan nikmat sedia ada, kepentingan kesihatan, nilai semangat komuniti dan kerapuhan antara manusia.

Dalam persoalan perubahan apa yang paling besar dalam 10 tahun akan datang kerana wabak itu, responden memilih sektor utama: Interaksi sosial (27%), Ekonomi (27%), Teknologi (24%), Dasar persekitaran (12%).

Tidak menjadi satu kejutan bahawa perkara yang paling dirindui oleh rakyat Malaysia semasa PKP adalah untuk lepak – seperti makan luar (71%), pergi ke pusat membeli-belah (44%) dan berekreasi di taman (34%).

Tinjauan yang bertajuk “*You Ok or Not during MCO?*” menggunakan nada santai dan kelakar ditambah dengan kata-kata yang sering digunakan oleh rakyat Malaysia dan disertakan kartun klasik, Lat dengan kebenaran bagi menggalakkan penyertaan. Tinjauan dilakukan daripada 15 Mei pada hari Jumaat sehingga Sabtu 23 Mei, 2020.

-TAMAT-

Tentang Think City

Think City adalah sebuah organisasi bermatlamat sosial dengan fokus untuk membina bandar-bandar yang lebih mesra untuk dihuni dan berdaya tahan dengan menjadi pemangkin dalam perubahan bagaimana bandar-bandar dirancang, dikurasi, dibangun dan diraikan. Sebagai agensi penciptaan bandar serantau, Think City memberi khidmat dalam pencetusan fikiran dasar bandar, pengurusan dan pelaksanaan penyelesaian bandar di dalam dan di luar Asia Tenggara. Ditubuhkan dalam tahun 2009 untuk menerajui penjanaan semula bandar George Town, impak dan kejayaan yang dibawakan oleh organisasi ini telah berkembang ke Butterworth, Kuala Lumpur, dan Johor Bahru. Dengan teras yang mengutamakan komuniti terlebih dahulu dan juga pendekatan berdasarkan bukti, Think City memberi fokus kepada empat amalan komuniti yang utama: Pewujudan Tempat (Placemaking), Daya Tahan, Analisis dan Pemuliharaan. Dengan kedudukannya sebagai pihak yang berkecuali, Think City telah membina kerjasama di antara sektor awam dan swasta, komuniti dan rakan kerjasama antarabangsa. Bersama, mereka telah melaksanakan pelbagai projek untuk mempertingkatkan taraf seni, warisan, budaya, alam sekitar, ekonomi dan daya tahan bandar-bandar di rantau Asean. Think City meraikan Ulangtahun ke-10 dengan menganjurkan pelbagai program dan acara sepanjang tahun. Untuk maklumat lanjut, sila layari thinkcity.com.my.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Roxanne Lim
Roxanne.lim@thinkcity.com.my

Maya Tan
maya.tan@thinkcity.com.my